

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH : 14 OGOS 2018 (SELASA)**

**SOALAN : 13**

**YB Tuan Kesavan A/L Subramaniam [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejak bulan Jun 2018, perkhidmatan kereta api elektrik berhenti di stesen Sungai Siput (U) 2 kali sehari. Difahamkan sebelum ini 4 kali sehari. Tindakan mengurangkan waktu perjalanan dari 4 kali sehari kepada 2 kali sehari mengundang kemarahan pengguna-pengguna yang bergantung sepenuhnya menjejaskan jadual perjalanan mereka. Nyatakan penjelasan sebab-sebab waktu perjalanan dikurangkan. Adakah Kerajaan akan mempertimbangkan semula waktu perjalanan kembali kepada 4 kali sehari.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

KTMB telah melaksanakan penambahbaikan perkhidmatan secara berkala termasuk penilaian stesen-stesen hentian bagi perkhidmatan ETS bagi memastikan KTMB dapat menyediakan perkhidmatan yang dikehendaki orang awam.

Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan ETS berhenti di stesen Sungai Siput dirasionalisasikan daripada 4 kali kepada 2 kali sehari disebabkan perubahan pelan perkhidmatan ETS terkini yang mengambilkira faktor-faktor seperti berikut:

i) faktor ekonomikal

Bagi memastikan KTMB terus beroperasi dengan mampan, hentian atau stesen yang kurang penumpang akan dikaji semula bilangan operasi perkhidmatan ETSnya. Berdasarkan statistik KTMB, purata penumpang di Stesen Sungai Siput adalah seramai 65 orang sehari (penumpang naik dan turun). Sehubungan itu, 2 perkhidmatan ETS sehari adalah memadai bagi Stesen Sungai Siput.

ii) faktor kecekapan perkhidmatan (*service efficiency*)

Kekerapan hentian di stesen yang tinggi akan menambah masa perjalanan perkhidmatan ETS. Sehubungan itu, pihak KTMB perlu menetapkan jumlah hentian yang bersesuaian bagi memastikan perkhidmatan ETS mengikut jadual seperti yang telah ditetapkan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mempertimbangkan permintaan penambahan perkhidmatan ETS dari masa ke semasa sekiranya terdapat permintaan pasaran dan pertumbuhan *ridership* pada masa akan datang.

Maklumat lanjut berhubung Perkhidmatan ETS yang berhenti di Stesen Sungai Siput pada masa ini seperti di bawah:

Laluan	Semasa		
	Bil. Perkhidmatan Sehari	Masa Perjalanan	Masa Berhenti di Stesen Sungai Siput
Gemas – Padang Besar	1 (EG9420)	7.40 pagi – 3.55 petang	1.08 tengah hari
Padang Besar – Gemas	1 (EG9425)	6.05 petang – 2.40 pagi	8.53 malam

Manakala jumlah penumpang yang naik dan turun di Stesen Sungai Siput pada bulan Januari 2018 sehingga Mei 2018 adalah seperti di bawah:

Bulan	Jumlah Penumpang Naik	Jumlah Penumpang Turun	Jumlah Penumpang Naik Dan Turun	Purata penumpang Sehari
Jan 2018	1,047	842	<b>1,889</b>	<b>63</b>
Feb 2018	974	807	<b>1,781</b>	<b>59</b>
Mac 2018	1,145	961	<b>2,106</b>	<b>70</b>
Apr 2018	978	751	<b>1,729</b>	<b>58</b>
Mei 2018	1,162	964	<b>2,126</b>	<b>71</b>
<b>Jumlah</b>	<b>5,306</b>	<b>4,325</b>	<b>9,631</b>	<b>65</b>